

**SOALAN NO: 16**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN SIM CHEE KEONG  
[ BUKIT MERTAJAM ]**

**TARIKH : 25 MAC 2015**

**SOALAN :**

**YB Tuan Sim Chee Keong [ Bukit Mertajam ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah perbelanjaan kempen denggi mengikut pecahan aktiviti, termasuk “fogging” dan juga kekerapan aktiviti dilaksanakan dari 2008 - 2014. Sila nyatakan ikut pecahan negeri.

**Tuan Yang Dipertua,**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menyediakan peruntukan tahunan mengikut keperluan setiap negeri melalui Peruntukan Perbelanjaan Mengurus Kawalan Penyakit. Maklumat peruntukan yang telah diagihkan ke negeri-negeri adalah dari tahun 2011 hingga 2014.

Pada tahun 2011, jumlah peruntukan yang telah diagihkan ke negeri-negeri untuk aktiviti kawalan penyakit adalah sebanyak **RM431,559,375**. meningkat kepada **RM478,226,313 (2012)**, **RM476,960,189 (2013)** dan

**RM538,270,135** dalam tahun 2014. Dari jumlah tersebut, sebanyak 20% hingga 40% peruntukan dibelanjakan untuk kawalan denggi bergantung kepada beban penyakit denggi yang berbeza-beza mengikut negeri. Umpamanya di Selangor, sejumlah kira-kira RM53 juta peruntukan disediakan untuk kawalan penyakit. Sekitar 40% atau RM21 juta dibelanjakan untuk kawalan denggi. Peruntukan tambahan juga dikeluarkan apabila keadaan memerlukan. Semasa Ops Mega lewat tahun 2014, peruntukan tambahan sehingga RM30 juta telah disalurkan bagi aktiviti kawalan tambahan di sekitar Lembah Klang.